

Percampuran Kod Bahasa dalam Lagu: Satu Kajian Kualitatif terhadap Lirik Lagu Raya Terpilih

Muhammad Bazli Mahmood*, Wan Norhaizar Harun, Sharifah Anis Zarith Syed Dziauddin
dan Nur Adila Hakimi

Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

*Corresponding author: bazlimahmood@unimap.edu.my

Received: 10th June 2023; Revised: 15th July 2023; Accepted: 15th December 2023

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai percampuran kod bahasa dalam lagu raya terpilih. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti percampuran kod bahasa dalam lirik lagu raya terpilih dan melihat penerimaan pendengar terhadap lagu raya tersebut melalui jumlah tontonan di Youtube dan undian suka (like) atau tidak suka (dislike) bagi setiap lagu raya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengkaji lirik lagu raya terpilih dalam bahasa Melayu dan menganalisis penggunaan percampuran kod bahasa dalam lirik tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa percampuran kod bahasa dalam lirik lagu raya boleh memberikan impak terhadap penerimaan pendengar terhadap lagu tersebut. Penggunaan percampuran kod bahasa boleh memberikan kepelbagaian dan keunikan dalam lirik lagu raya serta menarik minat pendengar. Kajian ini diharap dapat memberikan pandangan dalam memahami kepentingan percampuran kod bahasa dalam lagu Melayu moden khususnya kepada lagu raya.

Kata kunci: Percampuran kod Bahasa, lagu raya, lagu Melayu, lirik lagu bahasa Melayu, penerimaan pendengar.

1. PENGENALAN

Linguistik ialah bidang yang mengkaji bahasa dan merangkumi bunyi atau tanda, perkataan, dan tatabahasa peraturan. Kajian linguistik merangkumi penyelidikan tentang bahasa dan strukturnya, termasuk morfologi, sintaksis, fonetik dan semantik. Sosiolinguistik, dialektologi, psikolinguistik, linguistik komputasi, perbandingan sejarah linguistik, dan linguistik gunaan ialah cabang linguistik yang unik yang mengkaji bentuk bahasa, makna dan konteks. Ramai orang yang berminat dalam linguistik menghasilkan pelbagai bidang seperti sosiolinguistik, psikolinguistik, semantik, semiotik dan pragmatik.

Sosiolinguistik adalah kajian tentang semua aspek linguistik yang digunakan untuk hubungan antara bahasa dan masyarakat; dan cara menggunakannya dalam situasi bahasa yang berbeza. Sosiolinguistik berkaitan dengan hubungan antara bahasa dan konteks penggunaan bahasa tersebut (Holmes, 2000:1). Menurut Rosfazila & Razif (2016) sosiolinguistik memerihalkan berkaitan bahasa dan masyarakat sebagai satu struktur dan melihat hubungkait antara kedua-dua bidang tersebut. Bahasa merupakan medium untuk manusia berinteraksi atau berkomunikasi antara satu sama lain dan bahasa juga boleh berubah mengikut peredaran zaman. Menurut Sa'diah (2014), selaras dengan peredaran kehidupan, faktor-faktor seperti sosial, ekonomi, perubahan politik abad ke-20 memberi kesan kepada pemilihan dan peralihan bahasa dalam sesebuah masyarakat bahasa.

Kepelbagaian etnik di Malaysia menyebabkan negara ini memiliki pelbagai variasi bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Arab, dan sebagainya. Disebabkan hal ini ini, terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan Pengiran bahasa di negara ini. Peralihan kod dan percampuran kod adalah antara masalah yang paling biasa. Penggunaan kod bahasa yang berbeza adalah fenomena biasa di Malaysia. Percampuran kod adalah penting, terutamanya dalam komunikasi, walaupun dianggap tidak formal untuk bertutur dalam pelbagai bahasa sekaligus.

Percampuran kod adalah fenomena bahasa yang lazim dalam masyarakat Malaysia, mencerminkan sifat berbilang bahasa dan kepelbagaian budaya masyarakat. Rakyat Malaysia selalunya menggabungkan pelbagai bahasa dengan lancar, termasuk bahasa Melayu, Inggeris, dialek Cina, dan bahasa India, dalam perbualan harian mereka (Asmah Haji Omar, 2002). Percampuran kod ini mempunyai pelbagai fungsi, seperti menyatakan identiti, mewujudkan perpaduan, dan menampung lawan bicara daripada latar belakang bahasa yang berbeza. Hal ini juga mencerminkan kecairan dan kebolehsuaian penggunaan bahasa di Malaysia, menekankan konteks sosio budaya dan kepelbagaian bahasa masyarakat.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 Percampuran Kod Bahasa dalam Lirik Lagu

Percampuran kod ialah keadaan apabila seseorang menggunakan lebih daripada satu bahasa dalam satu ucapan (Tan Kooi Yee, 2009). Nomura (2003) menyatakan bahawa tujuan penutur untuk mencari perkataan dan frasa yang sesuai adalah punca percampuran kod yang berlaku semasa bercakap. Seperti yang dinyatakan oleh Thara dan Poornachandran (2018), penutur pelbagai bahasa sering mencampurkan antara bahasa dalam sesuatu perbualan, amalan biasa dalam konteks pelbagai bahasa. Muzik dan lagu telah menjadi sebahagian penting hiburan manusia sejak zaman purba. Lagu, termasuk lagu pop, digemari secara meluas, memberikan wawasan tentang budaya, nilai, tradisi, dan adat istiadat pelbagai komuniti (Arevalo, 2010).

Menurut Layli Syafira Nasution dan Sutikno (2022), percampuran kod adalah suatu peralihan yang berlaku disebabkan perubahan dalam situasi, iaitu dengan meningkatkan bilangan pihak berinteraksi atau pihak ketiga. Percampuran dua atau lebih bahasa kini bukan sahaja terdapat dalam perbualan antara orang ramai, tetapi hal ini juga boleh ditemui dalam lagu yang mengandungi perbualan antara penyanyi dan pendengar. Untuk menjadikan lagu mereka lebih ekspresif dan aktif, banyak lagu dari negara yang bahasa utamanya bukan bahasa Inggeris seperti negara China, Jepun, Korea dan Thailand menggunakan perkataan, klausa, ayat atau frasa dalam bahasa Inggeris. Seseengah lagu menggunakan perkataan atau frasa dalam bahasa Inggeris dalam korus atau rap dan juga pada permulaan atau akhir lagu. Untuk membolehkan pendengar memahami maksud lagu, ia menjelaskan idea utamanya. Selain itu, ia memudahkan penulis lagu untuk menyampaikan perasaan mereka dalam lagu mereka dengan bebas kerana bahasa Inggeris telah wujud dan difahami oleh kebanyakan pencinta muzik.

Menurut Davies dan Bentahila (2006), dalam lirik lagu, penyanyi sering dimotivasikan oleh pembangunan media dan internet yang memberikan prospek yang luar biasa untuk orang di seluruh dunia didedahkan kepada muzik daripada budaya yang berbeza, dan penyanyi yang mencari kejayaan dalam industri muzik popular menggunakan percampuran kod sebagai "inovasi gaya" dalam lirik lagu mereka. Dalam kajian percampuran kod di antara bahasa Perancis dan bahasa Arab di Algeria, menunjukkan dua peranan yang berbeza: "globalisasi dan lokalisasi" (Bentahila & Davies 2002,). Analisis mereka mendedahkan niat penyanyi untuk berhubung dengan masyarakat antarabangsa dalam konteks tempatan. Babalola dan Taiwo (2009) menjelaskan bahawa percampuran kod dalam lagu membolehkan penyanyi berkongsi budaya mereka secara artistik dengan pendengar.

Walaupun fenomena percampuran kod telah dijelaskan dengan baik dalam konteks penggunaan bahasa, terutama dalam pertuturan, hanya sedikit kajian yang telah dijalankan mengenai penggunaan percampuran kod dalam lirik lagu. Beberapa kajian telah dilakukan mengenai penggunaan pencampuran dan pertukaran kod dalam lirik lagu dan muzik (Babalola & Taiwo, 2009; Chairat, 2014; Davies & Bentahila, 2006; Rianda, 2017; Sarah & Oladayo, 2021). Sebagai contoh, Balogun dan Oladayo (2021) menganalisis situasi percampuran kod dalam industri muzik Nigeria. Mereka mendapati bahawa kebanyakan ahli muzik cenderung menyelitkan sebahagian perkataan dan frasa dari bahasa ibunda atau sekurang-kurangnya salah satu daripada tiga bahasa utama walaupun Bahasa Inggeris adalah bahasa kebangsaan negara tersebut.

Permatasari (2020) membincangkan fenomena percampuran kod sebagai trend dalam industri muzik pop Indonesia. Beliau menunjukkan bahawa pencampuran kod telah menjadi fenomena dalam industri muzik sebagai satu bentuk kebiasaan baru. Likhithphongsathorn dan Sappapan (2013) turut menemui fenomena yang sama dalam lagu pop Thailand. Mereka mendapati bahawa penggunaan kod Bahasa Inggeris dalam lagu pop Thailand menghasilkan kesan retorik dan estetika kepada pendengar.

Percampuran kod adalah umum dalam komuniti dwibahasa dan pelbagai bahasa, terutamanya dalam pertuturan (Sitaram & Black, 2016; Wibowo et al., 2017). Fenomena ini tidak terhad kepada pertuturan tetapi juga melibatkan lagu-lagu. Menurut Lestari (2014), percampuran kod digunakan dalam lirik lagu untuk meningkatkan minat pendengar.

Fenomena percampuran kod ini lebih kerap diperhatikan dalam situasi tidak formal di kalangan komuniti dwibahasa atau pelbagai bahasa dan di antara penutur dwibahasa. Ia boleh berlaku pada pelbagai peringkat linguistik, seperti fonologi, morfologi, struktur gramatikal, atau perkataan leksikal. Walaupun percampuran kod sering digunakan secara bergantian, terdapat sedikit perbezaan dalam bidang sosiolinguistik (Brock-Utne & Holmarsdottir, 2004).

Dalam konteks industri kreatif di Malaysia terutamanya industri muzik, percampuran kod bahasa ini mencerminkan kepelbagaian budaya dan kebolehan berbahasa dalam masyarakat Malaysia. Sebagai sebuah negara yang berbilang etnik dan berbilang bahasa, terdiri daripada orang Melayu, Cina, India, dan pelbagai komuniti minoriti lain, penggunaan pelbagai dialek dan bahasa dalam lirik lagu tidak hanya menonjolkan kualiti menarik penduduk Malaysia, tetapi juga melambangkan identiti unik dan kepelbagaian budaya kita. Sebagai contoh, bagi kumpulan KRU, pada tahun 1992, sebelas lagu dari album pertama KRU, "Canggih," telah diharamkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan Malaysia. Lagu-lagu tersebut tidak disiarkan oleh semua stesen penyiaran RTM (Radio Televisyen Malaysia) kerana lirik Melayu di dalamnya banyak dicampur dengan perkataan Inggeris. Kumpulan ini dikatakan telah dikritik kerana menyalahgunakan bahasa Melayu; dengan mencampurkan kedua-dua bahasa, menggunakan bahasa kolokial dan perkataan slanga dalam album *Awas! KRU* (1994). Salah satu lagu yang dilarang bertajuk '2020', walaupun membawa mesej patriotik mengenai Wawasan 2020. Keputusan yang sama juga diambil terhadap banyak lagu Melayu moden lain, seperti 'Seksis' dan 'Diva' oleh Anita Sarawak, 'Tipah Tertipu' yang dihasilkan oleh Ruffedge, 'Alhamdulillah' oleh Too Phat, dan 'Bade' oleh KRU. Walau bagaimanapun, kebanyakan lagu terkini yang penuh dengan percampuran kod mudah didengari di semua media pada masa kini. (Wan Nur Syaza Sahira Wan Rusli et.al, 2018),

3. OBJEKTIF KAJIAN

Secara amnya, pelbagai aspek, termasuk bahasa, boleh berubah mengikut peredaran masa dan zaman. Pemikiran dan isu bahasa ialah dua perkara yang amat berkait rapat. Bahasa merupakan asas pemikiran. Tanpa bahasa, perkara yang terlintas di fikiran tidak boleh diungkapkan atau diluahkan. Oleh itu, penggunaan bahasa dalam lirik lagu juga memerlukan pemerhatian dalam

aspek linguistik. Lirik lagu berfungsi sebagai alat atau medium untuk menyampaikan makna, idea dan perspektif penulis lirik dan penyanyi tentang peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka atau masyarakat sekeliling. Bait-bait yang indah dan puitis dalam lirik lagu akan menyampaikan pemikiran dan tanggapan penulis lirik. Di Malaysia, kajian berkaitan lirik lagu dari aspek linguistik masih kurang diberi perhatian, terutamanya dalam aspek percampuran kod. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti percampuran kod bahasa dalam lirik lagu raya terpilih dan melihat penerimaan pendengar terhadap lagu raya tersebut.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengkaji lirik lagu raya terpilih dalam bahasa Melayu dan menganalisis penggunaan percampuran kod bahasa dalam lirik tersebut. Pendekatan kualitatif menggunakan pengamatan atau penelitian terhadap data yang dikaji. Oleh itu, data yang dikumpulkan adalah kata-kata dan bukannya angka-angka. Menurut Chua (2006), pendekatan kualitatif menggunakan data untuk menghuraikan fenomena. Oleh itu, kaedah analisis adalah yang terbaik untuk kajian ini, terutamanya menganalisis kandungan lirik lagu. Penerimaan lagu adalah menerusi jumlah tontonan di saluran Youtube rasmi bagi setiap lagu termasuk jumlah suka (like) dan tidak suka (dislike) bagi setiap lagu.

5. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Data kajian diperolehi daripada empat lirik lagu raya yang telah disenarai pendek oleh penulis, iaitu:

- i. Lagu "Sayunk, I Love You Raya" - Chombi
- ii. Lagu "Raya, raya, raya" - Dolla
- iii. Lagu "Hooray Raya" - Bella Khan
- iv. Lagu "Raya Cun" - Elizabeth Tan

Keempat-empat lagu ini dipilih kerana merupakan antara lagu yang popular semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2023.

Data berikut ialah senarai data percampuran kod yang dikumpul di dalam lirik lagu terpilih. Data dipersembahkan dalam bentuk jadual seperti di bawah:

Jadual 1 Data Percampuran Kod dalam lirik lagu "Sayunk, I Love You Raya" – Chombi

Bil.	Lirik Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Perkataan Bahasa Melayu
1	Tengok <i>storylah</i>	story	cerita (dalam media sosial)
2	Sepupu belah emak <i>you</i> pon ada <i>You</i> dengar tak Raya dengan <i>you</i>	you	kamu
3	<i>Sis</i> sabor je la	sis	Panggilan untuk kakak / adik perempuan / kenalan perempuan
4	Dirimu sejuk dimata <i>mummyku</i>	mummy	Panggilan untuk seseorang bergelar emak

Jadual di atas menunjukkan data percampuran kod yang ditemui dalam lirik lagu “Sayunk, I Love You” yang dinyanyikan oleh Chombi. Terdapat lima (5) perkataan Bahasa Inggeris yang diberi fokus dalam penelitian ini. Antara percampuran kod bahasa Inggeris yang ditemui dalam lirik lagu ini adalah perkataan **story**, **you**, **sis** dan **mummy**.

Jadual 2 Data Percampuran Kod dalam lirik lagu “Raya, raya, raya” – Dolla

Bil.	Lirik Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Perkataan Bahasa Melayu
1	Everybody nak selfie, semua busy raya OOTD	Everybody, selfie & OOTD (outfit of the day)	Semua orang, swafoto, peragaan hari ini
2	OOTD aku itu OMG	OMG (Oh my God)	Ya Tuhanku
3	Semua baru memang hot everybody on IG	hot everybody on IG	Semua orang cantik di Instagram
4	Double tap, that lil' white heart on a PIC	Double tap, that lil' white heart on a PIC	Tekan dua kali, tekan suka dalam gambar.
5	Dalam-dalam sampul please, double Dolla the money	please, double Dolla the money	Tolong, gandakan duit raya Dolla.

Jadual di atas menunjukkan data percampuran kod yang ditemui dalam lirik lagu “Raya, raya, raya” yang dinyanyikan oleh Dolla. Terdapat beberapa penggunaan kata bahasa Inggeris dan juga beberapa singkatan dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, perkataan-perkataan ini sangat sinonim dengan masyarakat Malaysia sekarang sehinggakan agak janggal untuk mendengar perkataan bagi akronim tersebut dalam bahasa Melayu.

Jadual 3 Data Percampuran Kod dalam lirik lagu “Hooray Raya” - Bella Khan

Bil.	Lirik Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Perkataan Bahasa Melayu
1	Baju rayaku <i>slay-ay-ay-ay</i>	Slay (slang)	Hebat (slanga)
2	Mestilah <i>bag</i> Birkin mak cik Rosmah	bag	beg/tas tangan
3	Janji aku senang hati dari anak <i>aunty!</i> (Oooh ad-lib a bit softer don't cut off “aunty-y”)	aunty	mak cik
4	<i>OOTD</i> pun slay	OOTD (Outfit Of The Day)	Peragaan hari ini

Jadual di atas menunjukkan data percampuran kod yang ditemui dalam lirik lagu “Hooray Raya” - yang dinyanyikan oleh Bella Khan. Terdapat empat (4) perkataan Bahasa Inggeris yang diberi fokus dalam penelitian ini. Antara percampuran kod bahasa Inggeris yang ditemui dalam lirik lagu ini adalah perkataan **slay**, **bag**, **aunty** dan **OOTD**.

Jadual 4 Data Percampuran Kod dalam lirik lagu “Raya Cun” - Elizabeth Tan

Bil.	Lirik Percampuran Kod	Perkataan Bahasa Inggeris	Perkataan Bahasa Melayu
1	Dengan sayangku, selfie pun cun	Selfie	Swafoto - satu bentuk fotografi potret sendiri
2	Sudah excited nak beraya	Excited	Perasaan teruja
3	Filter pun cun	Filter	Penapis - selalunya digunakan di media sosial untuk menapis foto untuk kesan montaj yang lebih baik
4	Captionku cun	Caption	Kapsyen - keterangan gambar

Jadual di atas menunjukkan data percampuran kod yang ditemui dalam lirik lagu “Raya Cun” - yang dinyanyikan oleh Elizabeth Tan. Terdapat lima (4) perkataan Bahasa Inggeris yang diberi fokus dalam penelitian ini. Antara percampuran kod bahasa Inggeris yang ditemui dalam lirik lagu ini adalah perkataan **selfie**, **excited**, **filter** dan **caption**.

Jadual 5 Jumlah Tontonan dan Respon Pendengar

Lagu	Jumlah Tontonan	Jumlah Suka (Like)	Jumlah Tidak Suka (Dislike)
Lagu “Sayunk, I Love You Raya” - Chombi https://www.youtube.com/watch?v=1Gtmx26RlpQ&list=RD1Gtmx26RlpQ&start_radio=1	1,870,864	18,988	288 (1%)
Lagu “Raya, raya, raya” - Dolla https://www.youtube.com/watch?v=seZsq1mD0uk	19,187,869	161,893	11,198 (6%)
Lagu “Hooray Raya” - Bella Khan https://www.youtube.com/watch?v=MbVggAluAa0	157,642	9,253	152 (2%)
Lagu “Raya Cun” - Elizabeth Tan https://www.youtube.com/watch?v=qleEyPbCLf4	251,116	3,544	22 (1%)

6. KESIMPULAN

Percampuran kod dalam masyarakat Malaysia mencerminkan fenomena kompleks dan beraneka ragam bahasa di negara ini. Malaysia merupakan negara multibahasa dan multibudaya, dengan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, namun juga terdapat banyak bahasa etnik dan bahasa lain yang digunakan oleh masyarakat berbilang kaum terutamanya pengaruh bahasa Inggeris dalam kehidupan masyarakat kini.

Isu ini berlaku ketika individu atau komuniti menggunakan lebih dari satu bahasa atau menggabungkan elemen dari beberapa bahasa dalam satu pernyataan. Percampuran kod ini sering terjadi di antara masyarakat yang menguasai berbagai bahasa atau dalam situasi komunikasi antara individu dengan latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza.

Fenomena percampuran kod dalam industri kreatif di Malaysia bukanlah sesuatu yang asing pada masa kini. Hal ini kerana masyarakat sudah terbiasa dengan penggunaan bahasa sebegini sehinggakan penggunaan bahasa Melayu yang baku dianggap janggal dan pelik apabila digunakan dalam kehidupan seharian. Penggunaan percampuran kod dalam lagu terutamanya boleh dikatakan cerminan kepada kaedah penggunaan bahasa dalam masyarakat ketika ini dan perkara ini boleh dianggap wajib bagi menjamin penerimaan pendengar bagi sesebuah lagu. Hal ini dapat dilihat daripada jumlah pendengar yang tidak suka (dislike) bagi setiap lagu. Semua lagu mendapat 1 hingga 6% jumlah tidak suka (dislike) sahaja berbanding jumlah penonton keseluruhan lagu tersebut. Amat jarang sekali kita mendengar lagu-lagu yang menggunakan bahasa baku dalam media massa ketika ini.

Akhir kata, amalan percampuran kod ini sewajarnya dilakukan secara bersederhana kerana kesannya pada masa hadapan mampu menjejaskan keaslian bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan negara. Sebagai rakyat Malaysia, jati diri harus dikekalkan untuk terus mengagungkan bahasa kebangsaan dan dibuktikan dengan penggunaan bahasa Melayu di manapun jua. Tegasnya, pengkaji mengharapkan kajian-kajian seterusnya mampu meneruskan konsep kajian yang menyentuh isu percampuran kod dalam konteks kajian yang berskala besar dan luas dalam aplikasi media sosial.

RUJUKAN

- Abd Rahman, R. B., & Zaini, A. R. B. (2016). *Transcending the Impasse: Hadith, Common Historical Method In Islam And Meta Theory In Sociology*.
- Abd Rahman, R. B., & Zaini, A. R. B. (2016). *Dato Mahamud Bin Abdul, Tokoh Sosiolinguistik Melayu Nusantara: Suatu kajian Konseptual, Profil dan Sumbangan*.
- Arévalo, Edgar. (2010). *The use of songs as a tool to work on listening and culture in EFL classes*. Cuadernos de Lingüística Hispánica.
- Babalola, E. T., & Taiwo, R. (2009). Code-switching in Contemporary Nigerian hip-hop music. *Online Journal of African Studies*, (1), 1-26.
- Bentahila, A., & Davies, E. E. (2002). Language mixing in rai music: Localisation or globalisation? *Language & Communication*, 22(2), 187-207.
- Bokamba, E. G. (1989). Are there syntactic constraints on code-mixing? *World Englishes*, 8(3), 277-292.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Davies, E. E., & Bentahila, A. (2006). Code switching and the globalisation of popular music: The case of North African rai and rap. *Multilingual Journal of Cross-Cultural and Interlanguage Communication*, 25(4), 367-392.
- Hamers, J. F. & Blanc, M. H. A. (2000). *Bilinguality and Bilingualism*. Cambridge: Cambridge University Press
- Holmes, J. (2000). Introducing New Zealand sociolinguistics to New Zealand sociologists. *New Zealand Sociology*, 16(1), 1-17.
- Nomura, M. (2003). Bilingualism and Multilingualism: A study of Code Switching. *ResearchGate*.
- Likhitphongsathorn, T. & Sappapan, P. (2013). *A study of English code mixing and code mixing in Thai pop songs*. Thailand: Thammarat University, p.494-505.
- Permatasari, S. D. R. (2020). The phenomenon of English-Indonesian code mixing as a trend in Indonesian pop music industry. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 7(5), 582-592.
- Sa'Diah, Nikmatus. (2014). "Error Analysis on the Writing Tasks Produced by Students of "Azet Language Centre Malang"." *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Fakultas Ilmu Budaya Universitas Brawijaya*, vol. 6, no. 1.
- Sa'diah Ma'alip. (2014). Pemilihan Bahasa: Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli CheWong. *Jurnal Melayu*, 12(1), 78-84.

- Tan, Kooi Yee (2009) *Fenomena percampuran kod dalam berita hiburan Surat khabar Bahasa Cina di Malaysia* / Tan Kooi Yee. Masters thesis, University of Malaya.
- Omar, A. H. (2002). Early Language Acquisition of a Malay Child: A Case Study. *Simposium Antarabangsa Linguistik dan Sains Pertuturan*.
- Wan Nur Syaza Sahira Wan Rusli & Shaari, Azianura & Zainuddin, Siti Zaidah & Shi, Ng & Amin, Aizan. (2018). Intra and Intersentential Code-switching Phenomena in Modern Malay Songs. *3L The Southeast Asian Journal of English Language Studies*.

LAMPIRAN

SAYUNK, I LOVE YOU RAYA

Penyanyi : Chombi

Produser : Harry Khalifah

Di pagi aidilfitri yang mulia
Segaknya shayangku berbaju raya
Datanglah beraya ke rumah bonda
Untuk mu ku anyam ketupat cinta

Tengok story la

Berkunjung semua sanak saudara
Sepupu belah emak you pon ada
Kenapa awak terkenyit-kenyit mata
Tak mungkin rendang tok terlebih lada

Sis sabor je la

Buah hati dinda
Selamat hari raya
Ampunkan segala salah dan dosa
Takbir pun bergema
Bersyukur padanya
Syawal yang gembira

Marilah sayang

Kita beraya

Buah hati dinda

Mana duit raya

You dengar tak

Awak dengar tak ni

Buah hati dinda

Selamat hari raya

Ampunkan segala salah dan dosa

Takbir pun bergema

Bersyukur padanya

Syawal yang gembira

Marilah sayang

Kita beraya

Lebaran paling terindah bagiku

Dirimu sejuk dimata mummyku

Ayah pun tersenyum tanda setuju

Nampaknya selama lamanya sayunk

RAYA RAYA RAYA

Penyanyi : Dolla

Produser : Harry Khalifah

Ramadan mulia berlalu

Raya menjelang tiba

Sebulan berhari raya buat semua umat manusia

Tawa riang gembira
Sebulan ibadah
Kini Syawal yang kita rayakan
Raya-raya, raya-raya
Selamat Hari Raya
Kami ucapkan kepada satu dunia

Raya-raya, raya-raya
Selamat Hari Raya
Bersalam-salaman
Bermaaf-maafan
Sesama insan

Yang jauh dah balik pulang
Yang dekat sorak gembira
Everybody nak selfie, semua busy raya OOTD

Salam Aidilfitri
Saudara dan saudari
Meraikan Syawal indah ini

OOTD aku itu OMG
Semua baru memang hot everybody on IG
Double tap, that lil' white heart on a PIC
Dalam-dalam sampul please, double Dolla the money

Raya-raya, raya-raya
Selamat Hari Raya (Hari Raya)
Kami ucapkan kepada satu dunia

Raya-raya, raya-raya
Selamat Hari Raya (Hari Raya)
Bersalam-salaman
Bermaaf-maafan
Sesama insan

HOORAY RAYA

Penyanyi : Bella Khan
Komposer : MFMF

Hooray! Hooray!
Raya aku okay
Duit raya lebih
Baju rayaku slay-ay-ay-ay

Saudara-mara memang tak nak kalah
Asyik nak banding rumah siapa besar
Beg tangan siapa yang terpingling mewah? (Wah!)
Mestilah beg Birkin mak cik Rosmah (ewah-ewah)
Pergi UK belajar (ewah-ewah)
Tanpa biasiswa (ewah-ewah)
Tapi takde kerja (eh-eh-eh!)

Nak duit raya juga!

Walau lepas puas berpuasa
Jangan lupa pada yang berkuasa
Putih tulang janganlah di mata
Mulut celupar, makanlah selipar!

Hooray! Hooray!
Raya aku okay
Takyah sedih-sedih
Raya ni aku slay-ay-ay-ay!

Bolehlah salam, kalau nak salam
Kalau tak, ada ku kisah?
Bila balik kampung, semua berkumpul
Dah macam Megadrama (banyak soal)
"Dah kahwin belum?" Dah
"Gajiku?" Alhamdulillah
Ku syukur cahaya mata aku sihat, makin membesar
Biarlah aku nampak macam ku dah berisi
Janji aku senang hati dari anak aunty

Setahun menanti keluargaku pulang
Bawa bertenang, cukuplah kita membawang
Jerit hooray! Hooray!
Raya kita okay
Kongsikan yang lebih
OOTD pun slay
Wahai adik-adik
Harus baik-baik
Jangan sedih-sedih
Makan kuih-muih

RAYA CUN

Penyanyi : Elizabeth Tan
Komposer : Adib Hussin & Efray Arwis

Selamat Hari Raya
Aidilfitri mulia

Bajuku cun
Ang pau pun cun
Dengan sayangku, selfie pun cun
Cun mele��un, uu

Terjagaku dari tidur
Matahari memancar (Hari memancar)
Sudah excited nak beraya
Cantik-cantik berkebaya (Ha-ah)

Namunku tak sendiri
Kita saling menziarahi

Indahnya suasana hari ini

Bajuku cun
Ang pau pun cun
Dengan sayangku selfie pun cun
Cun melecun, uu

Filter pun cun
Kapsyen ku cun
Selfie dengan famili pun cun
Cun melecun
Selamat Hari Raya

Suasana meriah
Ketupat, rendang
"I kenyanglah"
Tiba masa mintak duit raya (Duit raya)
Walaupun sudah berkerja

Namun ada je yang memberi
Untunglah semua murah hati
Time to celebrate Hari Raya
Happily

Selamat Hari Raya (Hari Raya)
"Selamat Hari Raya"